

Ciri Orang Kafir dan Munafik: Surah al-Baqarah (16-6 :2)

Kamarul Azmi Jasmi

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia qamar@utm.my

Suggested Citation:

Jasmi, Kamarul Azmi (2018). "Ciri Orang Kafir dan Munafiq: Surah al-Baqarah (2: 6-16)" in *Program Budaya al-Quran* pada 2hb Ogos 2018 di Kolej Tun Fatimah, UTM. Program anjuran Pusat Islam, UTM, p. 1-19.

Abstract

Orang Kafir dan orang munafik merupakan dua jenis manusia yang kufur kepada Allah SWT dan agamanya. Artikel ini merupakan hasil kajian perpustakaan bagi mendapatkan tafsiran ayat Surah al-Baqarah (2: 6-16). Hasil dapatan menunjukkan ayat ini membincangkan tentang ciri orang kafir dan ciri orang munafik pada zaman Rasulullah SAW yang boleh dijadikan pedoman kepada umat kini. Tiga aspek utama inti pati perbincangan ialah kepada umat Islam untuk memperkukuhkan amalan Islam dan menjauhi maksiat bagi memastikan mereka tetap berada di atas landasan hidayah, berkdakwah kepada bukan Islam mengikut kemampuan, dan berhati-hati dengan golongan munafik yang menjatuhkan Islam dari dalam. Memahami ciri orang kafir, iaitu benci dan sombong kepada Islam dan hati yang kotor disebabkan maksiat. Berhati-hati dan memahami ciri orang munafiq, iaitu sifat berpura-pura sebagai Muslim walaupun hatinya kafir, sarat dengan penyakit hati terhadap Islam dan penganutnya, sentiasa memandang hina Islam dan penganutnya yang komited, sentiasa memilih jalan bertentangan arah dengan Islam dan ajarannya, serta sentiasa mencari jalan untuk memecah belahkan kesatuan umat Islam dan agamanya.

References

- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad. (2001). *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari* (Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir Ed. Vol. 1-9). Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Sabuni. (1981). *Mukhtasar Ibn Kathir* (Vol. 1-3). Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Ibn 'Abbas, Abdullah 'Abbas. (t.th.). *Tanwir al-Mikbas Min Tafsir Ibnu 'Abbas* (Mujd al-Din Abu Tahir Muhammad bin Ya'kub Ed.). Lubnan: Dar al-Kutub 'Imiyah.
- Ibn al-Kathir, Imad al-Din. (1999). *Tafsir al-Quran al-A'zim* (Vol. Juz. 1-4). Al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Ibn Majah, Muhammad Yazid. (2009). *Sunan Ibn Majah* (Shu'ayb Al-Arna'ut, 'Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali, & 'Abd al-Latif Hirzullah Ed. Vol. 1-5). Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018a). *Ciri Orang Kafir dan Munafiq*. Kertas kerja Dibentangkan di Budaya al-Quran, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018b). *Ciri Orang yang Bertakwa*. Kertas kerja Dibentangkan di Budaya al-Quran, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Muslim, Abu al-Husayn. (t.th.). *Sahih Muslim* (Vol. 1-8). Beirut: Dar al-Fikr.

CIRI ORANG KAFIR DAN MUNAFIQ SURAH AL-BAQARAH (2: 6-16)*

Kamarul Azmi Jasmi
Akademi Tamadun Islam
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Teknologi Malaysia
qamar@utm.my

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا سَوَاءٌ عَلَيْهِمْ ءَأَنذَرْتَهُمْ أَمْ لَمْ تُنذِرْهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ
﴿٦﴾ خَتَمَ اللَّهُ عَلَى قُلُوبِهِمْ وَعَلَى سَمْعِهِمْ وَعَلَى أَبْصَارِهِمْ غِشْوَةً ۖ وَلَهُمْ
عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٧﴾ وَمِنَ النَّاسِ مَن يَقُولُ ءَامَنَّا بِاللَّهِ وَيَأْتِيهِمُ الْآخِرُ
وَمَا هُمْ بِمُؤْمِنِينَ ﴿٨﴾ يُخَادِعُونَ اللَّهَ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَمَا يَخْدَعُونَ
إِلَّا أَنفُسَهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ ﴿٩﴾ فِي قُلُوبِهِم مَّرَضٌ فَزَادَهُمُ اللَّهُ
مَرَضًا ۖ وَلَهُمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ ﴿١٠﴾ وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا
تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ قَالُوا إِنَّمَا نَحْنُ مُصْلِحُونَ ﴿١١﴾ أَلَا إِنَّهُمْ هُمُ
الْمُفْسِدُونَ وَلَٰكِن لَّا يَشْعُرُونَ ﴿١٢﴾ وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ ءَامِنُوا كَمَا
ءَامَنَ النَّاسُ قَالُوا أَنُؤْمِنُ كَمَا ءَامَنَ السُّفَهَاءُ ۗ أَلَا إِنَّهُمْ هُمُ السُّفَهَاءُ

* Artikel ini dibincangkan dalam Ceramah Program Budaya al-Quran Mingguan di Kolej Tun Fatimah, UTM pada 2hb. Ogos 2018 anjuran Masjid Sultan Ismail, Universiti Teknologi Malaysia.

وَلَكِنْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٣﴾ وَإِذَا لَقُوا الَّذِينَ ءَامَنُوا قَالُوا ءَامَنَّا وَإِذَا خَلَوْا
 إِلَىٰ شَيْطَانِهِمْ قَالُوا إِنَّا مَعَكُمْ إِنَّمَا نَحْنُ مُسْتَهْزِءُونَ ﴿١٤﴾ اللَّهُ يَسْتَهْزِئُ
 بِهِمْ وَيَمُدُّهُمْ فِي طُغْيَانِهِمْ يَعْمَهُونَ ﴿١٥﴾ أُولَٰئِكَ الَّذِينَ اشْتَرُوا
 الضَّلَالََةَ بِالْهُدَىٰ فَمَا رَبِحَت تِّجْرَتُهُمْ وَمَا كَانُوا مُهْتَدِينَ ﴿١٦﴾

Maksud: Sesungguhnya orang kafir (yang tidak akan beriman), sama sahaja kepada mereka: sama ada engkau beri amaran kepadanya atau engkau tidak beri amaran, mereka tidak akan beriman. (6) (Dengan sebab keingkaran mereka), Allah mematerikan atas hati mereka serta pendengaran mereka, dan pada penglihatan mereka ada penutupnya; dan bagi mereka pula disediakan azab seksa yang amat besar. (7) Dan antara manusia ada yang berkata: "Kami beriman kepada Allah dan kepada hari akhirat"; padahal mereka sebenarnya tidak beriman. (8) Mereka hendak memperdayakan Allah dan orang yang beriman, padahal mereka hanya memperdaya dirinya sendiri, sedang mereka tidak menyedarinya. (9) Dalam hati mereka (golongan yang munafik itu) terdapat penyakit (syak dan hasad dengki), maka Allah tambahkan lagi penyakit itu kepada mereka; dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya, dengan sebab mereka berdusta (dan mendustakan kebenaran). (10) Dan apabila dikatakan kepada mereka: "Janganlah kamu membuat bencana dan kerosakan di muka bumi.", Mereka menjawab: "Sesungguhnya kami orang yang hanya membuat kebaikan." (11) Ketahuilah! Bahawa sesungguhnya mereka itulah orang yang sebenar-benarnya membuat bencana dan kerosakan, tetapi mereka tidak menyedarinya. (12) Dan apabila dikatakan kepada mereka: "Berimanlah kamu sebagaimana orang itu telah beriman." Mereka menjawab: "Patutkah kami ini beriman sebagaimana berimannya orang bodoh itu?" Ketahuilah! Sesungguhnya merekalah orang yang bodoh, tetapi mereka tidak mengetahui (hakikat yang

sebenarnya). (13) Dan apabila mereka bertemu dengan orang yang beriman, mereka berkata: “Kami telah beriman.” Dan manakala mereka kembali kepada syaitan mereka, mereka berkata pula: “Sesungguhnya kami tetap bersama kamu, sebenarnya kami hanya memperolok-olok (akan orang yang beriman).” (14) Allah (membalas) memperolok-olok, dan membiarkan mereka meraba-raba dalam kesesatan mereka (yang melampaui batas itu). (15) Mereka itulah orang yang membeli kesesatan dengan meninggalkan petunjuk; maka tiadalah beruntung perniagaan mereka dan tidak pula mereka beroleh petunjuk hidayah. (16)

(Surah *al-Baqarah*, 2: 6-167)

Pengenalan

Selepas Allah SWT menceritakan tentang ciri orang yang bertakwa (Ibn al-Kathir, 1999; Jasmi, 2018b), Allah SWT mula menceritakan ciri orang kafir dan orang munafik (Ibn al-Kathir, 1999; Jasmi, 2018a).

Tafsiran Ayat

Tafsiran ayat bermula daripada al-Baqarah (2: 6) hingga al-Baqarah (2: 7) merupakan ciri orang kafir (Al-Sabuni, 1981). Manakala al-Baqarah (2: 8-16) pula menceritakan ciri orang munafik (Al-Sabuni, 1981).

Tafsir al-Baqarah (2: 6)

Allah SWT memulakan perbincangan tentang ciri orang kafir dengan firman-Nya:

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا سَوَاءٌ عَلَيْهِمْ ءَأَنذَرْتَهُمْ أَمْ لَمْ تُنذِرْهُمْ

لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٦﴾

Maksud: *Sesungguhnya orang kafir (yang tidak akan beriman), sama sahaja kepada mereka: sama ada engkau beri amaran kepadanya atau engkau tidak beri amaran, mereka tidak akan beriman.* (6)

Ibn al-Kathir (1999) dalam menghuraikan ayat ini menjelaskan tentang perkataan *kafaru* dengan maksud orang tertutup hati mereka dengan kebenaran atas sebab mempunyai kepentingan diri dan kerana mengikuti hawa nafsu. Oleh kerana kepentingan diri itulah mereka tidak menghiraukan kebenaran yang diketahui dalam bentuk perintah Allah SWT dan agamanya serta apa yang dibawa oleh baginda SAW.

Ibn ‘Abbas (t.th.: 1/4) menambah bahawa orang kafir yang tidak mahu beriman tersebut disebabkan memang mereka tidak ada keinginan untuk beriman dan disebabkan mereka sudah ditakdirkan untuk tidak beriman berdasarkan ilmu Allah SWT. Kenyataan ini bertepatan dengan firman-Nya yang menjelaskan:

إِنَّ الَّذِينَ حَقَّتْ عَلَيْهِمْ كَلِمَتُ رَبِّكَ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٩٦﴾

وَلَوْ جَاءَتْهُمْ كُلُّ آيَةٍ حَتَّىٰ يَرَوْا الْعَذَابَ الْأَلِيمَ ﴿٩٧﴾

Maksud: *Sesungguhnya orang yang telah ditetapkan atas mereka hukuman Tuhanmu (dengan azab), mereka tidak akan beriman: (96) Walaupun datang kepada mereka segala jenis keterangan dan tanda (yang membuktikan kekuasaan Allah dan kebenaran Rasul-Nya), sehingga mereka melihat azab yang tidak terperi sakitnya.* (97)

(Surah Yunus, 10:96-97)

Oleh kerana itu, sama ada orang kafir itu beriman atau tidak bukanlah menjadi persoalan penting kepada para nabi termasuk Baginda Rasulullah

SWT. Apa yang penting Baginda sudah menjalankan tanggungjawab untuk menyampaikan risalah Allah SWT sebagaimana firman-Nya:

وَإِنَّمَا نُرِيَنَّكَ بَعْضَ الَّذِي نَعِدُهُمْ أَوْ نَتَوَفَّيَنَّكَ فَإِنَّمَا عَلَيْكَ الْبَلَّغُ وَعَلَيْنَا الْحِسَابُ ﴿٤٠﴾

Maksud: *Sama ada Kami perlihatkan kepadamu (wahai Muhammad) sebahagian dari azab yang Kami janjikan untuk mereka (yang ingkar) atau kami wafatkanmu sebelum melihatnya maka tidaklah menjadi hal kerana tanggunganmu hanyalah menyampaikan hukum yang kami turunkan kepadamu; dan urusan Kami menghitung dan membalas amal mereka. (40)*

(Surah *al-Ra'd*, 13:40)

Ayat ini membuktikan bahawa apabila Baginda SAW sudah menyampaikan risalah, maka tanggungjawabnya sudahpun selesai. Hal ini kerana apa yang ditentukan oleh Allah SWT terhadap seseorang sebagai golongan yang celaka, tidak ada seorangpun yang boleh memperbaiki, menolong, dan menasihatinya. Oleh sebab itu, Allah SWT meminta Baginda SAW jangan bersedih terhadap golongan yang tidak mahu menerima dakwahNya.

Tafsir al-Baqarah (2: 7)

Allah SWT menjelaskan tentang kenapa orang kafir tidak mahu beriman kepada Baginda SAW adalah disebabkan mereka sudah terpengaruh dan dikuasai oleh syaitan kesan daripada dosa dan kemungkaran. Dosa dan kemungkaran itulah yang menyebabkan hati manusia menjadi hitam sehingga tidak mampu lagi melihat kebenaran. Seolah-olah sifat hitam hati itu adalah yang mematrikan hati manusia sehingga mereka tidak lagi mampu mendengar dan melihat kebenaran. Firman-Nya:

خَتَرَ اللَّهُ عَلَى قُلُوبِهِمْ وَعَلَى سَمْعِهِمْ وَعَلَى أَبْصَارِهِمْ
غَشَوَةً ۗ وَلَهُمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٧﴾

Maksud: (Dengan sebab keingkaran mereka), Allah mematerikan atas hati mereka serta pendengaran mereka, dan pada penglihatan mereka ada penutupnya; dan bagi mereka pula disediakan azab seksa yang amat besar. (7)

Allah SWT sendiri dalam ayat lain menjelaskan bahawa hati orang kafir dimateri dan ditutup tersebut disebabkan kekafiran dan keingkaran mereka sendiri sebagaimana firman-Nya:

بَلْ طَبَعَ اللَّهُ عَلَيْهَا بِكُفْرِهِمْ فَلَا يُؤْمِنُونَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿١٥٥﴾

Maksud: (Sebenarnya hati mereka tidak tertutup), bahkan Allah memeteraikan hati mereka disebabkan kekufuran mereka. Oleh itu mereka tidak beriman kecuali sedikit sahaja (di antaranya). (155)

(Surah al-Nisa', 4: 155)

Tafsiran Allah mematerikan atas hati mereka juga memberitahu tentang sifat sombong orang kafir dengan memalingkan diri mereka untuk mendengar seruan kebenaran seolah-olah mereka berkata dengan nada yang takbur: "Aku sengaja memekakkan telinga aku daripada mendengar ajakannya." (Al-Sabuni, 1981: 1/32).

Hati hitam yang dimateri oleh Allah SWT disebabkan oleh dosa berterusan yang dilakukan oleh para hambanya ada dikharbarkan oleh Rasulullah SAW dalam hadisnya (Ibn Majah, 2009: 4244):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، قَالَ: "إِنَّ الْمُؤْمِنَ إِذَا
أَذْنَبَ كَانَتْ نُكْتَةً سَوْدَاءُ فِي قَلْبِهِ، فَإِنْ تَابَ وَنَزَعَ وَاسْتَغْفَرَ،

صَقَلَ قَلْبُهُ، فَإِنْ زَادَ، زَادَتْ، فَذَلِكَ الرَّانُ الَّذِي ذَكَرَهُ اللَّهُ فِي
 كِتَابِهِ: ﴿كَلَّا بَلْ رَانَ عَلَى قُلُوبِهِمْ مَا كَانُوا يَكْسِبُونَ﴾ (١٤).

Maksud: *Abu Hurayrah RA (menceritakan) bahwa Rasulullah SAW bersabda, "Sesungguhnya seorang Mukmin itu apabila melakukan dosa akan muncul dalam hatinya satu titik hitam. Jika dia kembali bertaubat dan beristighfar, bersihlah titi hitam tersebut dalam hatinya. Sekiranya dia tetap melakukan dosa lagi, maka akan bertambah titik hitam itu sehingga titik hitam itu menutupi hatinya. Maka itulah yang dinamakan ran yang diberitakan oleh Allah SWT dalam kitabnya yang bererti: "Sebenarnya! (Ayat-ayat Kami itu tidak ada cacatnya) bahkan mata hati mereka telah diselaputi kekotoran (dosa), dengan sebab (perbuatan kufur dan maksiat) yang mereka kerjakan. (14) (Surah al-Muttaffifin, 83:14)."*

(Ibn Majah)

Berdasarkan ayat dan hadis menunjukkan bahawa dosa yang dilakukan secara berterusan akan menutupkan keseluruhan hati dengan kehitaman. Pada tahap ini Allah SWT akan menutup hati seseorang sehingga dia tidak ada jalan untuk kembali beriman dan mampu terlepas daripada kekafiran.

Tafsir al-Baqarah (2: 8-9)

Setelah Allah SWT membincangkan ciri orang kafir, Allah SWT mula berbicara pula tentang orang munafik, iaitu salah satu jenis manusia yang pada hakikatnya tidak beriman, tetapi hatinya penuh dengan kekufuran kepada Allah SWT dan agama-Nya (Ibn al-Kathir, 1999: 1/176). Firman-Nya:

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَقُولُ ءَامَنَّا بِاللَّهِ وَبِالْيَوْمِ الْآخِرِ وَمَا هُمْ
 بِمُؤْمِنِينَ ﴿٨﴾ يُخَادِعُونَ اللَّهَ وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَمَا يُخَادِعُونَ
 إِلَّا أَنفُسَهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ ﴿٩﴾

Maksud: *Dan antara manusia ada yang berkata: "Kami beriman kepada Allah dan kepada hari akhirat"; padahal mereka sebenarnya tidak beriman. (8) Mereka hendak memperdayakan Allah dan orang yang beriman, padahal mereka hanya memperdaya dirinya sendiri, sedang mereka tidak menyedarinya. (9)*

Ayat ini pada asasnya menceritakan keadaan Nabi SAW dan umat Islam selepas berhijrah ke Madinah. Ketika ini, kekuatan umat Islam sudah semakin menyerlah. Apatah lagi apabila umat Islam menang dalam peperangan Badar. Terdapat dalam kalangan kelompok Manusia yang berpura-pura menjadi Muslim sedangkan hati mereka tetap dalam kekafiran. Kelompok ini diketui oleh Abdullab bin Ubay bin Salul, orang Khazraj yang pernah dilantik menjadi ketua di Yastrib. Golongan ini pada pandangan Allah SWT adalah sangat bahaya kepada umat Islam dan agamanya. Sifat mereka digambarkan secara terperinci dengan pelbagai kaedah penceritaan agar umat Islam dapat mengenali mereka dan menjauhkan diri daripada kumpulan ini (Ibn al-Kathir, 1999: 1/176).

Kumpulan munafik ini dianggap oleh Allah SWT sebagai kumpulan orang yang cuba menipu Allah SWT dan orang yang beriman. Sifat nifak ini sebenarnya tidak memberi kesan kepada umat Islam, tetapi lebih memberi kecelakaan kepada golongan itu sendiri bukan sahaja di dunia bahkan dalam kehidupan mereka di akhirat. Ibn ‘Abbas (t.th.: 1/4) menjelaskan bahawa sebenarnya Allah SWT membocorkan rahsia kepura-puraan hati mereka kepada Nabi SAW sehingga Nabi sangat mengetahui siapa golongan munafik ini semuanya.

Tafsir al-Baqarah (2: 10)

Orang munafik di sisi Allah SWT ialah golongan yang sakit rohani dan bukan jasad (Al-Sabuni, 1981: 1/33). dan balasan yang dijanjikan kepada mereka di dunia dan akhirat melalui ayat ini:

فِي قُلُوبِهِمْ مَّرَضٌ فَزَادَهُمُ اللَّهُ مَرَضًا وَلَهُمْ عَذَابٌ
 أَلِيمٌ بِمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ ﴿١٠﴾

Maksud: Dalam hati mereka (golongan yang munafik itu) terdapat penyakit (syak dan hasad dengki), maka Allah tambahkan lagi penyakit itu kepada mereka; dan mereka pula akan beroleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya, dengan sebab mereka berdusta (dan mendustakan kebenaran). (10)

Hati mereka berpenyakit dengan penyakit yang berbentuk keraguan, kemunafikan, keingkaran, dan kezaliman yang bertambah penyakit tersebut dari sehari ke sehari dalam hati sebagai balasan dunia. Sedangkan balasan di akhirat pula ialah azab yang sangat pedih. Kedua-dua balasan ini ditimpakan kepada mereka kerana mereka berdusta dalam pengucapan syahadah dan keimanan di samping mendustakan berita akhirat dan alam ghaib dan mendustakan ajaran Nabi SAW (Ibn al-Kathir, 1999: 1/179).

Keterangan tentang Allah SWT menambah penyakit hati mereka dengan tambahan sakit dihuraikan oleh Allah SWT dalam firman-Nya yang lain:

وَإِذَا مَا أَنْزَلْنَا سُورَةً فَمِنْهُمْ مَّنْ يَقُولُ أَيُّكُمْ زَادَتْهُ
 هَذِهِ إِيْمَانًا فَآمَنُوا فَمَّا الَّذِينَ زَادَتْهُمْ إِيْمَانًا وَهُمْ

يَسْتَبْشِرُونَ ﴿١٢٤﴾ وَأَمَّا الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ فَزَادَتْهُمْ
رِجْسًا إِلَىٰ رِجْسِهِمْ وَمَاتُوا وَهُمْ كَافِرُونَ ﴿١٢٥﴾

Maksud: *Dan apabila diturunkan sesuatu surah (dari Al-Quran) maka di antara mereka (yang munafik) ada yang bertanya (secara mengejek): "Siapakah di antara kamu yang imannya bertambah disebabkan oleh surah ini?" Adapun orang yang beriman, maka surah itu menambahkan iman mereka, sedang mereka bergembira (dengan turunnya). (124) Adapun orang yang ada penyakit (kufur) dalam hati mereka maka surah Al-Quran itu menambahkan kekotoran (kufur) kepada kekotoran (kufur) yang ada pada mereka; dan mereka mati, sedang mereka berkeadaan kafir. (125)*

(Surah al-Tawbah, 9: 124-125)

Ayat ini menjelaskan bahawa setiap orang yang beriman sejak awal keimanannya akan melihat ajaran dan wahyu yang baru diturunkan akan menambahkan keimanan mereka. Sedangkan orang munafik pula sebaliknya setiap ayat yang turun akan menjadikan mereka bertambah keraguan, kekeliruan, dan kekacauan fikiran yang akan menambahkan kesesatan mereka.

Orang munafik ini di sisi Islam tidak boleh dibunuh walaupun mereka membawa malapetaka yang besar kepada umat Islam dan umatnya. Kenyataan ini sebagaimana yang dilakukan oleh Rasulullah SAW yang tidak membunuh golongan ini walaupun pada hakikatnya Allah SWT sudah menyingkap golongan ini kepada Rasulullah SAW.

Hal ini sebagai jawapan Rasulullah SAW kepada Saidina ‘Umar yang mahu memenggal ketua munafiq, iaitu Abdullah bin Ubay yang menjadi dalang dalam mengapiakan pergaduhan antara umat Islam Muhajirin dan Ansar. Baginda SAW bersabda dalam hadis yang diriwayatkan oleh Jabir bin ‘Abdullah RA (Al-Bukhari, 2001: 4905; Muslim, t.th.: 2584):

«دَعُهُ، لَا يَتَحَدَّثُ النَّاسُ أَنَّ مُحَمَّدًا يَقْتُلُ أَصْحَابَهُ.»

Maksud: *Biarkan dia, aku tidak suka kerana orang akan mengatakan bahawa Muhammad membunuh kawan-kawannya.*

(Al-Bukhari dan Muslim)

Hadis ini bermaksud bahawa Rasulullah SAW bimbang sekiranya masyarakat Arab mengetahui tentang pembunuhan tersebut, maka orang Arab akan takut untuk memeluk agama Islam. Berdasarkan hadis ini juga beberapa ulama mazhab berpendapat tentang golongan ini. Imam Malik misalnya berkata bahawa seorang hakim tidak boleh menghukum mengikut pengetahuan dirinya sendiri tentang kemunafikan seseorang. Sedangkan Imam al-Shafii pula berkata bahawa yang menegah Nabi SAW daripada membunuh golongan munafik padahal bagidannya SAW sudah mengetahui kekufuran mereka kerana golongan ini sudah membuktikan keislaman mereka melalui ucapan syahadah. Apabila mereka membuktikan ucapan itu dalam bentuk lisan, maka darah dan harta mereka dijamin oleh Allah SWT daripada diambil. Hal ini sebagai mana hadis yang menjelaskan (Al-Bukhari, 2001: 2946; Muslim, t.th.: 20):

أَنَّ أَبَا هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: "أُمِرْتُ أَنْ أُقَاتِلَ النَّاسَ حَتَّى يَقُولُوا: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، فَمَنْ قَالَ: لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، فَقَدْ عَصَمَ مِنِّي نَفْسَهُ وَمَالَهُ، إِلَّا بِحَقِّهِ وَحِسَابُهُ عَلَى اللَّهِ."

Maksud: *Abu Hurayrah RA berkata, "Rasulullah SAW bersabda: "Aku diperintahkan untuk memerangi manusia sehingga mereka mengucapkan "La ilaha ill Allah". Apabial mereka mengucapkannya, terpeliharalah daripadaku darah dan harta mereka kecuali dengan haknya dalam perhitungan mereka terserahlah kepada Allah."*

(Al-Bukhari dan Muslim)

Huraian lanjut tentang siksaan di akhirat yang dikhususkan kepada golongan munafik ini pula dijelaskan dalam firman Allah SWT:

يُنَادُونَهُمْ أَلَمْ نَكُنْ مَعَكُمْ قَالُوا بَلَىٰ وَلَكِنَّكُمْ فَتَنْتُمْ أَنْفُسَكُمْ
وَتَرَبَّصْتُمْ وَارْتَبْتُمْ وَغَرَّتْكُمُ الْأَمَانِيُّ حَتَّىٰ جَاءَ أَمْرُ اللَّهِ وَغَرَّكُمْ
بِاللَّهِ الْغُرُورُ

Maksud: (Pada saat itu) mereka (yang munafik) menyeru orang yang beriman (sambil berkata): "Bukankah kami bercampur gaul dengan kamu (di dunia dahulu)?" Orang yang beriman menjawab: "Benar! Akan tetapi kamu telah membinasakan diri kamu (dengan perbuatan munafik) dan kamu menunggu-nunggu (kebinasaan umat Islam), dan kamu pula ragu-ragu (terhadap perkara-perkara agama) serta kamu diperdayakan oleh angan-angan kosong (untuk mencapai maksud kamu), sehinggalah datangnya (maut) yang ditetapkan oleh Allah (kepada kamu). Dan (selain itu), kamu pula diperdayakan oleh bisikan Syaitan dengan (pengampunan) Allah (semata-mata dan melupakan azab-Nya). (14)

(Surah al-Hadid, 57: 14)

Terbukti golongan munafik ini akan diasingkan oleh Allah SWT daripada golongan Mukmin dan disiksa dalam neraka walaupun sewaktu mereka di dunia mereka bergaul mesra dengan umat Islam. Hal ini disebabkan kekufuran dalam hati mereka terhadap agama Allah SWT lagi ragu dengan kebenaran agama Islam.

Tafsir al-Baqarah (2: 11-12)

Ayat ini menjelaskan lebih lanjut sifat orang munafik dan kesannya kepada kehidupan manusia di muka bumi. Allah SWT berfirman:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ قَالُوا إِنَّمَا نَحْنُ مُصْلِحُونَ ﴿١١﴾

أَلَا إِنَّهُمْ هُمُ الْمُفْسِدُونَ وَلَكِن لَّا يَشْعُرُونَ ﴿١٢﴾

Maksud: *Dan apabila dikatakan kepada mereka: “Janganlah kamu membuat bencana dan kerusakan di muka bumi.”, Mereka menjawab: “Sesungguhnya kami orang yang hanya membuat kebaikan.” (11) Maksud: Ketahuilah! Bahawa sesungguhnya mereka itulah orang yang sebenar-benarnya membuat bencana dan kerusakan, tetapi mereka tidak menyedarinya. (12)*

Perintah Allah SWT, “*Janganlah kamu membuat bencana dan kerusakan di muka bumi*” membawa maksud jangan melakukan maksiat di muka bumi ini. Hal ini kerana yang dikatakan membuat kebaikan di bumi apabila seseorang itu mentaati perintah Allah SWT. Sedangkan perbuatan maksiat atau apa sahaja yang membawa kepada kemaksiatan itu pula semuanya adalah perbuatan yang membawa kerosakan dan kebinaan kepada bumi ini.

Mengapa Allah SWT membawakan ayat perintah tidak membuat kerosakan di muka bumi ini tidak lain kerana orang munafik menganggap perbuatan mereka melakukan kemaksiatan, melanggar perintah Allah SWT, serta ragu dengan agama Islam sebagai sesuatu yang baik. Begitu juga mereka merasakan bahawa perbuatan mereka yang membantu orang lain untuk mendustakan Allah SWT dan Rasulullah SAW sebagai perbuatan yang baik. Selain itu, orang munafik juga menganggap perbuatan mereka mencampur adukkan antara golongan kafir dan Mukmin, mendamaikan mereka dan menyatukan mereka sebagai perbuatan yang mulia.

Namun Allah SWT menegaskan bahawa perbuatan mencampuradukkan antara perbuatan iman dan kufur sebenarnya merupakan perbuatan yang mencabul dan merosakan agama tanpa mereka sedar.

Tafsir al-Baqarah (2: 13)

Seterusnya Allah SWT menjelaskan lagi ciri orang munafik dengan firman-Nya:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ آمِنُوا كَمَا آمَنَ النَّاسُ قَالُوا أَنُؤْمِنُ كَمَا آمَنَ

السُّفَهَاءُ أَلَا إِنَّهُمْ هُمُ السُّفَهَاءُ وَلَكِن لَّا يَعْلَمُونَ ﴿١٣﴾

Maksud: *Dan apabila dikatakan kepada mereka: “Berimanlah kamu sebagaimana orang itu telah beriman.” Mereka menjawab: “Patutkah kami ini beriman sebagaimana berimannya orang bodoh itu?” Ketahuilah! Sesungguhnya merekalah orang yang bodoh, tetapi mereka tidak mengetahui (hakikat yang sebenarnya). (13)*

Ayat ini menunjukkan ciri orang munafik yang seterusnya, iaitu mereka merasakan bahawa mereka lebih bijaksana dan terkehadapan berbanding dengan orang yang beriman kepada Allah SWT. Sikap mereka ini tidak lebih kerana tidak mempunyai keyakinan diri akibat daripada sifat syak dan ragu yang ada dalam hati mereka terhadap ajaran Islam. Mereka menganggap orang yang beriman terhadap ajaran Islam dan kepada Baginda Rasulullah SAW sebagai kolot. Pada hakikatnya, sikap mereka yang ragu dengan ajaran Allah dan Rasulullah SAW adalah merupakan orang yang benar-benar bodoh, namun mereka tidak merasakan kebodohan yang mereka lakukan.

Bodoh dalam bahasa Arab ialah *Safih* dan jamak bagi perkataan ini ialah *sufaha'*. Perkataan ini membawa maksud orang yang bodoh, lemah fikirannya, dan tidak dapat membezakan antara perkara yang baik atau buruk, antara perkara yang berguna dan yang tidak berguna.

Tafsir al-Baqarah (2: 14-15)

Selain merasakan diri mereka hebat, orang munafik juga merupakan golongan talem dua muka. Sifat talem dua muka ini digambarkan oleh Allah SWT pada ayat berikutnya:

وَإِذَا لَقُوا الَّذِينَ ءَامَنُوا قَالُوا ءَامَنَّا وَإِذَا خَلَوْا إِلَىٰ شَيَاطِينِهِمْ
 قَالُوا إِنَّا مَعَكُمْ إِنَّمَا نَحْنُ مُسْتَهْزِءُونَ ﴿١٤﴾ اللَّهُ يَسْتَهْزِئُ بِهِمْ
 وَيَمُدُّهُمْ فِي طُغْيَانِهِمْ يَعْمَهُونَ ﴿١٥﴾

Maksud: *Dan apabila mereka bertemu dengan orang yang beriman, mereka berkata: "Kami telah beriman." Dan manakala mereka kembali kepada syaitan mereka, mereka berkata pula: "Sesungguhnya kami tetap bersama kamu, sebenarnya kami hanya memperolok-olok (akan orang yang beriman)." (14) Allah (membalas) memperolok-olok, dan membiarkan mereka meraba-raba dalam kesesatan mereka (yang melampaui batas itu). (15)*

Berdasarkan ayat ini, orang munafik ketika di hadapan orang Mukmin mereka berpura-pura beriman dan beramal baik, namun apabila bersama dengan ketua munafik mereka, mereka akan berkata bahawa mereka tetap setia bersama dan apa yang ditunjukkan kepada para Mukmin itu tidak lebih daripada hanya untuk mempersendakan umat Islam.

Ayat yang bermaksud, "*mereka meraba-raba dalam kesesatan mereka (yang melampaui batas itu)*" merupakan perbandingan antara golongan munafik dengan orang tuli. Selain sesat, orang munafik ini juga berada dalam keadaan buta dan bingung kerana tidak nampak jalan kebenaran yang lurus. Hal ini kerana, Allah SWT bukan sahaja menutup hati mereka, bahkan juga menutup pendengaran dan penglihatan mereka daripada mendapat cahaya pertunjuk ke arah jalan kebenaran (Al-Sabuni, 1981).

Tafsir al-Baqarah (2: 16)

Allah SWT mensifatkan golongan munafik ini sebagai pembeli kesesatan dengan cahaya pertunjuk sebagaimana ayat seterusnya:

أُولَئِكَ الَّذِينَ اشْتَرُوا الضَّلَالََةَ بِالْهُدَىٰ فَمَا رَبِحَت تِّجَارَتُهُمْ

وَمَا كَانُوا مُهْتَدِينَ ﴿١٦﴾

Maksud: Mereka itulah orang yang membeli kesesatan dengan meninggalkan petunjuk; maka tiadalah beruntung perniagaan mereka dan tidak pula mereka peroleh petunjuk hidayah. (16)

Istilah membeli kesesatan ialah mengutamakan, memilih, dan mengambil kesesatan daripada cahaya pertunjuk ajaran Allah SWT dan Baginda SAW yang sudah ada di hadapan mereka. Hal ini bermaksud bahawa orang munafik dengan rela hati keluar daripada cahaya pertunjuk untuk duduk dalam kegelapan dan kesesatan. Mereka lebih rela keluar daripada kesatuan Islam untuk berada perpecahan umat, keluar daripada tempat yang aman untuk menuju ke tempat yang kacau bilau, memilih bidaah daripada sunnah Rasulullah SWT, dan akhir sekali memilih kekufuran selepas mereka beriman kepada Allah SWT dan Rasulullah SAW.

PENGAJARAN AYAT

Perbincangan tafsir ayat boleh dijadikan pengajaran kepada umat Islam dalam hal hubungan mereka dengan orang kafir khususnya golongan munafik. Berikut pengajaran yang boleh diambil daripada ayat yang dibincangkan:

- (1) Umat Islam dituntut untuk menjaga diri dari perlakuan maksiat kerana perlakuan maksiat boleh menghitamkan hati dan boleh menjerumuskan mereka ke lembah kekufuran.

- (2) Umat Islam digalak untuk berdakwah kepada orang kafir untuk mengajar mereka kepada agama Islam. Namun mereka tidak diwajibkan untuk memastikan orang didakwahkan itu memeluk Islam kerana hal hidayah kepada Islam adalah perkara yang sudah ditentukan oleh Allah SWT untuk diberikan.
- (3) Umat Islam dituntut berhati-hati dengan orang kafir kerana orang kafir ini sebenarnya tidak suka kepada Islam dan tidak suka kepada pertunjuk dan hidayah disebabkan hati mereka sudah dimateri kerana maksiat dan kekufuran yang berterusan.
- (4) Umat Islam dituntut berhati-hati dengan golongan munafik dan ciri-ciri mereka kerana golongan ini sentiasa mencari jalan bagi memecah belahkan Islam, mencapurkan sesuatu yang hak dan batil, bersekongkol dengan musuh luar bagi menjatuhkan Islam dari dalam. Mereka menggunakan wajah Islam untuk mengelirukan umat Islam bahawa mereka adalah golongan Islam. Padahal hati mereka cintakan maksiat, hati penuh syak wasangka terhadap kebenaran Islam dan hari pembalasan, suka melakukan maksiat dan kejahatan, suka memecah belahkan kesatuan Islam, dan menanti-nanti kejatuhan Islam.
- (5) Umat Islam perlu memahami ciri orang kafir:
 - (a) Sukar untuk orang kafir untuk beriman melainkan yang diberikan hidayah akibat daripada kejahatan dan maksiat yang dilakukan. Nabi SAW dan umatnya hanya bertugas untuk menyampaikan risalah, hanya Allah SWT yang menentukan hidayat kepada orang mereka.
 - (b) Maksiat dan kejahatan yang dilakukan oleh kafir akan menghitamkan hati mereka. Ketika hati sudah hitam sepenuhnya, ketika ini manusia paling sukar untuk mendapat hidayat.
 - (c) Keengganan orang kafir untuk menerima ajaran Nabi adalah kerana kesombongan mereka dan ketidak inginan mereka sendiri kepada ajaran Islam.

- (6) Umat Islam perlu memerhati dan memahami orang Munafik:
- (a) Salah satu kategori orang kafir. Hati mereka memang tidak beriman kepada Allah dan Rasul walau pada zahirnya mereka berwajah dan berpakaian sebagai seorang Muslim.
 - (b) Sifat munafik adalah sifat orang yang sakit rohaninya dan bukan jasadnya. Di dunia mereka diazab dengan diberati hati mereka dengan perasaan syak wasangka, benci dan dendam kepada Islam, dan sentiasa berusaha untuk memuaskn hati dan nafsu mereka bagi menjatuhkan Islam dan ajarannya.
 - (c) Mendengar dan membaca al-Quran bagi para Mukmin akan menyebabkan iman mereka bertambah. Sebaliknya, pula bagi golongan munafik ini mendengar dan membaca al-Quran akan menambahkan syak wasangka dan kekufuran dari sehari ke sehari.
 - (d) Orang munafik tidak boleh dibunuh sekalipun golongan munafik ini merupakan musuh dalam selimut. Hal ini disebabkan pengakuan pengislaman menjadikan seseorang terselamat akal, diri, dan hartanya.
 - (e) Allah mengazab mereka dengan penyakit hati di dunia dan mengazabkan mereka dengan seksaan yang amat pedih mengatasi orang kafir yang lain.
 - (f) Sentiasa memandang hina orang Islam yang mengamalkan ajaran Islam dan sentiasa merasakan diri mereka superior berbanding orang Islam sebenar kerana mereka tidak faham perbuatan mereka bukan semakin meninggikan Islam dan ajarannya, tetapi semakin meruntuhkan agama Islam.
 - (g) Mereka sentiasa memilih jalan maksiat, kegelapan, kesesatan, dan kekufuran walaupun apa yang mereka lakonkan sebagai Muslim tersebut merupakan jalan kebenaran, cahaya, pertunjuk, dan keimanan.

Semoga nasihat Allah SWT kepada umat Islam ini mampu memberikan kefahaman kepada umat Islam dalam rangka memperkukuhkan agama Islam dan dalam rangka hubungan umat Islam dengan golongan kafir dan munafik.

RUJUKAN

- Al-Bukhari, Abu Abdullah Muhammad. (2001). *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari* (Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir Ed. Vol. 1-9). Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Sabuni. (1981). *Mukhtasar Ibn Kathir* (Vol. 1-3). Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Ibn 'Abbas, Abdullah 'Abbas. (t.th.). *Tanwir al-Mikbas Min Tafsir Ibnu 'Abbas* (Mujd al-Din Abu Tahir Muhammad bin Ya'kub Ed.). Lubnan: Dar al-Kutub 'Imiyah.
- Ibn al-Kathir, Imad al-Din. (1999). *Tafsir al-Quran al-A'zim* (Vol. Juz. 1-4). Al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Ibn Majah, Muhammad Yazid. (2009). *Sunan Ibn Majah* (Shu'ayb Al-Arna'ut, 'Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali, & 'Abd al-Latif Hirzullah Ed. Vol. 1-5). Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018a). *Ciri Orang Kafir dan Munafiq*. Kertas kerja Dibentangkan di Budaya al-Quran, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018b). *Ciri Orang yang Bertakwa*. Kertas kerja Dibentangkan di Budaya al-Quran, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Muslim, Abu al-Husayn. (t.th.). *Sahih Muslim* (Vol. 1-8). Beirut: Dar al-Fikr.



Tel: +(6)07-5537501/37508 Faks: +(6)07-5537532 <http://www.utm.my/islamic-centre> Emel:msi@utm.my

RUJUKAN KAMI : UTM.J.01.08/10.14/2 (5)

7 Mac 2017

RUJUKAN TUAN :

Jamadilakhir 1438

Dr. Abd Rahman bin Hamzah
Ustaz Mahyudin bin Md. Sarip
Ustaz Mohd. Firdaus bin Pazim @ Fadzim
Ustaz Panji Alam bin Mazhisham
Ustaz Muhammad Faris bin Mohd Alwi
Ustaz Mohd. Yusoff bin Mohd. Rawi
Ustaz Ibrahim Khalil bin Abdullah
Pusat Islam, UTM Johor Bahru


Prof. Madya Dr. Hj. Mohd Ismail bin Mustari
Prof. Madya Dr. Ajmain bin Safar
Prof. Madya Ahmad Kilani@A.Kilan bin Mohamed
Dr. Nasrul Hisyam bin Nor Muhamad
Dr. Mohd. Fauzi bin Abu@Hussin
Dr. Kamarul Azmi bin Jasmi
Dr. Nurazmallail bin Marni
Dr. Idris bin Ismail
Dr. Ahmad Marzuki bin Mohamed
Dr. Aminuddin bin Hehsan
Dr. Mohd Nasir bin Ripin
Dr. Mohd. Nasir bin Masroom
Dr. Wan Hassan bin Wan Embong
Ustaz Md. Abbas bin Abd Latiff
Ustaz Ahmad Puhad bin Alim

Fakulti Tamadun Islam, UTM Johor Bahru

Ustaz Juhazren bin Junaidi
Fakulti Pendidikan, UTM Johor Bahru

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Saudara,



PELANTIKAN SEBAGAI PEMBIMBING PROGRAM MEMBUDAYAKAN AL-QURAN PERINGKAT UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pejabat Pendaftar Universiti Teknologi Malaysia telah bersetuju untuk melantik saudara sebagai Pembimbing Program Membudayakan Al-Quran Peringkat Universiti Teknologi Malaysia.

3. Pihak Universiti telah bersetuju melaksanakan Program Pembudayaan Al-Quran berpusat pada setiap hari Khamis, bermula 8.15 pagi hingga 9.15 pagi. Program ini akan dilaksanakan mengikut zon yang telah ditetapkan selaras dengan **Pekeliling Pentadbiran Bil. 13/2014.**


....2/-

4. Bagi pihak Pusat Islam saya ingin mengucapkan tahniah di atas pelantikan saudara dan semoga saudara dapat memberikan kerjasama serta komitmen yang tinggi dalam menjayakan Program Membudayakan Al-Quran Peringkat Universiti Teknologi Malaysia.

Sekian, terima kasih. *Wassalam.*

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Yang benar,



Prof. Madya Dr. Aminuddin bin Ruskam

Pengarah

Pusat Islam

Universiti Teknologi Malaysia

☎ 07-5537500

✉ al-dawamy@utm.my